

PIAGAM PELANGGAN

- Kami akan memberikan keputusan permohonan mendirikan bangunan dalam tempoh 28 hari dari tarikh permohonan dengan syarat mendapat sokongan dari jabatan-jabatan berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Memberi kelulusan membaiki rumah persendirian dalam tempoh 14 hari dengan syarat permohonan tersebut memenuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- Responsif kepada aduan dalam tempoh 5 hari bekerja dan komited dalam memberi penambahbaikan dan menyediakan perkhidmatan.
- Memperbaharui lesen perniagaan dalam masa 10 minit.
- Memberi keputusan permohonan lesen baru perniagaan dalam tempoh 30 hari.
- Memberi keputusan pemasangan permit iklan luar (kain rentang dan banting) dalam masa 10 minit.
- Memberi keputusan pemasangan permit iklan luar (billboard) dalam masa 30 minit dari tarikh permohonan dengan syarat mendapat sokongan dari jabatan-jabatan berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Memberi keputusan permit sementara, pameran jualan dan ekspo dalam tempoh 30 hari. (permit ekspo perlu mendapat kelulusan permit hiburan).
- Memberi keputusan permohonan sewa premis, pajakan dan sewaan tanah dalam tempoh 30 hari.
- Memproses permohonan sewaan peralatan dan aset dalam tempoh 1 minggu.
- Memproses permohonan tukar nama atau pemilik pegangan dalam tempoh 1 jam.

"INSYAALLAH SEGALA APA YANG DIJANJIKAN AKAN DAPAT DISELESAIKAN"

TEMPAT MENARIK



مَجْلِسُ دَاةْرِاهِ كُوَا مُسَاغِ
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG


mdgm.kelantan.gov.my

www.facebook.com/mdguamusang

www.youtube.com/user/mdguamusang

www.instagram.com/mdguamusang

mdgm@kelantan.gov.my



مَجْلِسُ دَاةْرِاهِ كُوَا مُسَاغِ
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG



ALAMAT:

MAJLIS DAERAH GUA MUSANG
18300 GUA MUSANG
KELANTAN DARUL NAIM

09-9120235

09-9121044

mdgm.kelantan.gov.my

mdgm@kelantan.gov.my



"Ke Arah Majlis Perbandaran Gua Musang Tahun 2025"

SEJARAH PENUBUHAN MDGM

Majlis Daerah Gua Musang telah ditubuhkan dibawah dibawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta171) yang dikenali sebagai Majlis Daerah Ulu Kelantan menerusi Warta K.N.PU 11 yang bertarikh 1 Februari 1979 selepas berunding dengan Menteri Kerajaan Tempatan.

Majlis Daerah Ulu Kelantan kemudian ditukar nama kepada Majlis Daerah Gua Musang bermula 11 Oktober 1985 melalui pemberitahuan dibawah subseksyen 4(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Disamping itu, Majlis Daerah Gua Musang meluaskan lagi empayarnya dengan mengadakan perluasan kawasan operasi majlis daripada 0.68 batu persegi (1.76 kilometer persegi) kepada 50 batu persegi (129.5 kilometer persegi). Antara kawasan tersebut ialah Kampung Star, Kampung Pulai, Pasir Tumbuh, Chegar Bongor, Kampung Kerinting, Limau Kasturi, Batu Papan dan Kampung Lelan Tupai (Lelan Jaya).

Selepas pewartaan perluasan kawasan Majlis Daerah Gua Musang pada 15hb September 2005, keluasan pentadbiran Majlis Daerah Gua Musang telah bertambah iaitu seluas 7,979.77 kilometer persegi yang mana ianya merangkumi 3 daerah iaitu Daerah Galas, Daerah Bertam dan Daerah Ciku.



VISI:

"MENJADIKAN MAJLIS DAERAH GUA MUSANG SEBUAH PBT YANG MAJU, MAKMUR DAN SEJAHTERA MENJELANG TAHUN 2025"

Selaras dengan trend masa kini dan potensi pembangunan masa depan, visi Majlis Daerah Gua Musang adalah ke arah menjadikan Majlis Daerah Gua Musang sebuah PBT yang maju, makmur dan sejahtera menjelang tahun 2025. Di samping itu juga, ia memainkan peranannya sebagai pusat perkhidmatan utama daerah yang mempunyai saiz penduduk dan kemudahan prasarana yang lengkap dan maju. Ianya juga akan berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran, Pusat Perdagangan dan Pusat Perindustrian bagi Jajahan Kelantan Selatan Negeri Kelantan.

MISI:

"MENJADIKAN GUA MUSANG BANDAR HIJAU, MAJU DAN BERDAYA SAING"

MDGM telah menetapkan misinya iaitu menjadikan Gua Musang bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya. Misi ini akan membantu berjaya visi yang diwujudkan. Menjelang tahun 2025 Majlis Daerah Gua Musang berhasrat dapat menjadikan kawasan pentadbirannya bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya akan dinikmati oleh penghuninya.

MOTO:

"BERSIH, INDAH, CERIA"

FUNGSI & PERANAN MDGM

Mengikut seksyen 5 Akta 171, Majlis Daerah Gua Musang, merupakan sebuah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang berfungsi mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan di dalam kawasan tadbirnya. Di antara fungsi Majlis Daerah Gua Musang secara terperinci:

- Merancang, membina dan menyelenggara kemudahan awam dan infrastruktur.
- Menyelaraskan kemajuan projek-projek pembangunan.
- Pengurusan kutipan hasil.
- Menyediakan perkhidmatan dan pelupusan sisa pepejal.
- Mengawasi kebersihan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan kesihatan awam.
- Pengindahan bandar dan persekitaran.
- Menimbang dan meluluskan perlesenan premis-premis perniagaan dan hiburan.
- Penilaian dan pengurusan cukai taksiran.

Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) bagi menjamin pembangunan yang terancang, keindahan kawasan-kawasan kutipan hasil, kebersihan dan kesihatan yang terkawal.

SENARAI JABATAN/ UNIT MDGM

1. Pejabat Yang Dipertua
2. Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia
3. Jabatan Penguatkuasaan
4. Jabatan Teknologi Maklumat
5. Jabatan Pusat Setempat (OSC)
6. Jabatan Perbendaharaan
7. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Jabatan Perancangan Pembangunan
 - Unit Landskap & Keceriaan Bandar
9. Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan
10. Jabatan Perundangan
 - Unit Tempat Letak Kereta (UTLK)
11. Jabatan Pembangunan Islam
12. MDGM Cawangan Chiku
13. MDGM Cawangan Lojing Highlands

COGAN MAKNA

M - Marilah

A - Ahli Majlis dan semua anggota

J - Jalankan

L - Langkahmu dan menyumbang fikiran bernas

I - Ikrar yang teguh

S - Semangat yang jitu

D - Dalam mengharungi era pembangunan

A - Arahkan semangatmu untuk membina

E - Enviroment sejagat yang bersih indah

R - Rakyat yang mengharap pasti gembira

A - Aktiviti Pihak Berkuasa Tempatan yang berkesan

H - Hari ini dan hari muka

G - Gagahkan semangatmu serta

U - Usaha yang bersungguh-sungguh

A - Agar kita berjaya membina

M - Maya pada ini menjadi

U - Utuh

S - Sejahtera

A - Aman dan

N - Nayaman, gilang gemilang itulah

G - "Gua Musang"

"GUA MUSANG"